

17/06/1998

Seseni, TSPL labur RM800j di Cyberjaya

DUA syarikat tempatan, Seseni Energy Services Sdn Bhd (Seseni) dan Tenaga SPL Sdn Bhd (TSPL) akan berkongsi kepakaran membangunkan sistem pendinginan berpusat di zon pembangunan utama Cyberjaya seluas 2,800 hektar dengan pelaburan menjangkau RM800 juta.

Menerusi Seseni-TSPL Joint Venture (STJV), kedua-dua syarikat yang berpengalaman melaksanakan projek serupa menggunakan teknologi Amerika Syarikat, Perancis dan Jepun, diberi hak merancang, mereka bentuk, membina, memiliki dan mengendalikan dua janakuasa penyejukan air di Cyberjaya.

Ketua Pegawai Eksekutif Seseni, Shaharel Shafiei dan Pengarah Urusan TSPL, Dr Salim Sairan, semalam menandatangani perjanjian dengan pemaju Cyberjaya, Cyberview Sdn Bhd (Cyberview). Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)